

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

➔ **Mohd Izani Mohd Zain**

Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia yang juga bekas Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pendidikan Tinggi dari 2009 hingga 2013



Menyediakan sistem pendidikan berkualiti tinggi untuk rakyat adalah peranan utama kerajaan, selain aspek pertahanan, keselamatan dan kesihatan”

Pengenalan SSPN-i dan SSPN-i Plus ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh ibu bapa supaya menyimpan untuk tabung pendidikan anak-anak mereka”

Kita percaya, dengan kesedaran tinggi dalam kalangan ibu bapa khususnya, budaya berhutang boleh diubah kepada budaya menyimpan”

Amalan menabung mampu biayai pengajian tinggi

Pendidikan adalah pelaburan jangka panjang negara bagi menentukan masa depan yang lebih baik dan gemilang. Justeru, berbelanja untuk pendidikan tidak boleh dianggap sebagai satu perbelanjaan yang 'hangus', tetapi pelaburan yang akan menguntungkan negara. Malaysia adalah antara negara yang membuat pelaburan besar untuk sektor pendidikan. Melalui Bajet 2016 yang lalu, kerajaan memperuntukkan RM50 bilion untuk sektor pendidikan. Daripada jumlah itu, RM13 bilion diperuntukkan kepada sektor pendidikan tinggi negara.

Kita berharap Bajet 2017 yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 21 Oktober nanti, akan dapat mengekal dan seboleh-bolehnya meningkatkan peruntukan untuk sektor pendidikan, khususnya sektor pendidikan tinggi negara. Bagi mencapai taraf sebuah negara maju berpendapatan tinggi, bajet untuk pendidikan amat kritikal kerana ia dapat mengupayakan usaha bagi memupuk bakat dan modal insan bagi keperluan pembangunan, kemajuan dan transformasi negara.

Memperuntukkan bajet untuk satu-satu perkara penting seperti pendidikan bererti kita perlu membiayai dengan menyediakan sejumlah wang mencukupi. Tidak dinafikan, isu pembiayaan pen-

didikan tinggi terutama semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kita. Isu pendemokrasian pendidikan negara semakin rancak dan akses ke pendidikan tinggi semakin meluas, selain kemunculan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) baharu yang menawarkan pelbagai bidang kursus serta pengajian.

Tanggungjawab bersama

Persoalannya, siapakah yang wajar membiayai pengajian tinggi rakyat? Apakah tanggungjawab ini menjadi tanggungjawab mutlak kerajaan semata-mata atau ia menjadi tanggungjawab bersama semua pihak, sama ada ibu bapa, masyarakat, IPT dan kerajaan? Tidak dinafikan, soal pendidikan adalah tanggungjawab asas kepada sesebuah kerajaan. Menyediakan sistem pendidikan berkualiti tinggi untuk rakyat adalah peranan utama kerajaan, selain aspek pertahanan, keselamatan dan kesihatan.

Bagaimanapun, ia tidak bermakna, peranan entiti lain perlu diabaikan kerana tanggungjawab membiayai pengajian tinggi mesti digalas oleh semua pihak dan bukanlah menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata. Dalam hal ini, ibu bapa khususnya perlu merancang pembiayaan pendidikan anak-anak mereka lebih awal supaya tidak menjadi masalah besar kemudian hari.

Untuk menentukan pembiayaan pengajian tinggi dapat dijayakan dengan baik, kita harus mengubah paradigma daripada meminjam kepada menyimpan. Kita perlu membuang pemikiran bahawa berhutang adalah satu-satunya pilihan yang ada untuk belajar. Peningkatan kos pendidikan dan biasiswa yang terhad tidak boleh dijadikan alasan untuk berhutang sekiranya kita mempunyai pilihan untuk menyimpan wang atau menabung sejak dari awal.

Dalam hal ini, kita harus memuji tindakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional atau SSPN-i sejak 2004 bagi menggalakkan rakyat yang bergelar ibu bapa menyimpan untuk tabung pendidikan anak-anak mereka. Ia membantu mereka menyelesaikan masalah dan kesulitan kewangan apabila anak-anak melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Pada 2015 pula, SSPN-i Plus dilancarkan bagi menggabungkan keistimewaan SSPN-i dengan kelebihan perlindungan takaful yang komprehensif. Ia dapat membantu meringankan beban waris apabila pendeposit meninggal dunia atau mengalami musibah yang tidak diduga. Ini termasuk pampasan khairat kematian dan hilang upaya kekal, 36 penyakit kritikal, elaun harian hospital, dividen dan pelepasan taksiran cukai.

Khidmat tabung pendidikan

Pengenalan SSPN-i dan SSPN-i Plus ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh ibu bapa supaya menyimpan untuk tabung pendidikan anak-anak mereka. Malah, mereka boleh membuka akaun SSPN-i dan SSPN-i Plus seawal sehari umur anak. Ini bermakna, ibu bapa tidak semestinya menunggu anak mereka memasuki alam persekolahan untuk mula menabung kerana tabung pendidikan anak-anak boleh dibuka seawal sehari usia mereka.

Mengubah paradigma daripada meminjam kepada menyimpan

perlu dipasakkan dalam pemikiran ibu bapa. Mereka tidak boleh lagi berharap cara berhutang sebagai satu-satunya jalan untuk anak-anak menyambung pengajian. Jauh sekali meminta pendidikan tinggi sebagai satu perkara yang percuma. Melalui tabungan dan simpanan yang mencukupi, anak-anak boleh belajar dengan sempurna tanpa beban hutang yang menyesak.

Tiada beban hutang

Apabila mereka tamat pengajian dan mula mencari pekerjaan, mereka tidak lagi dibebani dengan keperluan membayar hutang. Kita percaya, dengan kesedaran tinggi dalam kalangan ibu bapa khususnya, budaya berhutang boleh diubah kepada budaya menyimpan. Memang benar, tanggungjawab menyediakan pendidikan adalah tanggungjawab asas kerajaan. Namun, perlu diingatkan, ibu bapa juga mendapat nikmat dan menerima hasil sekiranya anak-anak mereka berjaya dalam pengajian. Justeru, pembiayaan pendidikan anak-anak perlu dikongsi bersama oleh ibu bapa secara bijaksana.

Kita mesti menerima hakikat bahawa kos pengajian tinggi semakin meningkat atas faktor ekonomi dunia yang tidak menentu. Menyediakan payung sebelum hujan adalah penting sebelum kita 'basah' dan akhirnya demam dan perlu membeli ubat untuk mengubati demam itu. Lebih-lebih lagi, dalam soal pendidikan anak-anak, kita tidak boleh mengambil mudah dan ringan. Berhutang mungkin boleh menjadi pilihan akhir jika tabungan tidak mencukupi tetapi ia bukanlah menjadi pilihan utama atau satu-satunya pilihan untuk kita.